

HUBUNGAN KEKERABATAN ANTARA BAHASA JAKUN DENGAN BAHASA MELAYU PURBA: SATU ANALISIS PERBANDINGAN KOSA KATA DASAR

(The Relationship Between the Jakun Language to Proto Malay: A Comparative Analysis of Basic Vocabulary)

Mohamad Rozi Kasim
rozi_oldskull@yahoo.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Rujukan artikel ini: Mohamad Rozi Kasim. (2021). Hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba: Satu analisis perbandingan kosa kata dasar. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 41–66. [http://doi.org.10.37052/jb21\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/jb21(1)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	21/4/2020	Semakan: <i>Revised</i>	13/8/2020	Terima: <i>Accepted:</i>	17/8/2020	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/6/2021
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Kajian ini membincangkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh masyarakat orang asli Jakun. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kosa kata dasar dan menentukan tingkat kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Kajian menggunakan Teori Leksikostatistik yang disarankan oleh Swadesh (1955) dan kaedah kualitatif deskriptif untuk menghuraikan data yang diperolehi di lapangan. Data kosa kata dasar diperolehi dengan menggunakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955). Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan bahasa Jakun ini dengan bahasa Melayu purba adalah pada peringkat keluarga bahasa. Kajian ini menolak kenyataan Carey (1976) yang menganggap bahasa Jakun kini sudah hilang sifat keasliannya dan meminjam kosa kata bahasa Melayu sahaja. Kajian ini mendapati bahawa bahasa Jakun tidak meminjam bahasa Melayu tetapi bahasa Jakun merupakan salah satu cabang daripada bahasa induk, iaitu bahasa Melayu purba. Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak

kepada kajian yang lebih banyak terhadap bahasa Jakun di tempat lain dan bahasa-bahasa orang asli yang lain.

Kata kunci: Orang asli Jakun, bahasa Jakun, bahasa Melayu purba, leksikostatistik, linguistik perbandingan

Abstract

This study discusses the Jakun language spoken by the native Jakun tribe of Peninsular Malaysia. The objective of this study is to compare the basic vocabulary and determine the relationship between the Jakun language with the Proto Malayic language. This study employs the lexicostatistics theory suggested by Swadesh (1955). Furthermore, this study uses the qualitative descriptive method to interpret the data collected in the field. The Jakun basic vocabulary data was obtained using Swadesh's 200-word list (Swadesh 1955). The study found that the Jakun language and Proto Malayic are in the same language family. This study rejects Carey's (1976) claim that the Jakun language has lost its originality and borrows Malay vocabulary. On the contrary, the study reveals that the Jakun language does not borrow from standard Malay but is a branch of the parent language, Proto Malayic. In conclusion, this study hopes to be a catalyst for more studies on Jakun languages elsewhere, as well as on other Orang Asli languages.

Keywords: Jakun tribe, Jakun language, Proto Malayic, lexicostatistics, comparative linguistics

PENDAHULUAN

Bahasa-bahasa di dunia ini mempunyai cabang bahasanya yang tersendiri. Sesuatu bahasa itu diletakkan dalam sesuatu cabang bahasa memerlukan rekonstruksi dan perbandingan antara bahasa. Hasil daripada rekonstruksi dan perbandingan antara bahasa tersebut akan menentukan sesuatu bahasa itu tergolong dalam kelompok bahasa yang sama dan seterusnya memudahkan proses untuk menentukan atau membayangkan bentuk sebenar bahasa purba. Sesuatu bahasa purba itu lebih mudah digambarkan sekiranya mempunyai rekod bertulis. Namun begitu, situasi ini tidak berlaku dalam kelompok bahasa Austronesia, terutamanya bahasa Jakun dan bahasa Melayu yang tidak mempunyai rekod bertulis bahasa purba. Oleh itu, Harimurti (1988: 79) menyatakan bahawa tanpa adanya bahan

bertulis, bahasa purba diperoleh dengan rekonstruksi berdasarkan bahasa-bahasa berkerabat yang dalam perkembangan sejarahnya sudah terpisah. Sebagai contoh, Adelaar (1992) merekonstruksi bahasa Melayu purba dengan menggunakan enam bahasa yang berkerabat, iaitu bahasa Melayu standard, bahasa Minangkabau, bahasa Banjar Hulu, bahasa Serawai, bahasa Iban dan bahasa Jakarta. Keenam-enam bahasa berkerabat itu direkonstruksi dan menghasilkan bentuk bahasa Melayu purba. Oleh itu, perbandingan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba yang dilakukan ini bukan sahaja dapat menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, malah sekurang-kurangnya dapat memberikan input berkaitan dengan bahasa purba, terutamanya bahasa Melayu purba.

Harimurti (1988: 80) mengatakan bahawa penentuan jauh dekatnya kekerabatan bahasa-bahasa itu dilakukan dengan membandingkan beberapa sektor bahasa tertentu seperti fonologi atau morfologi. Oleh itu, bagi membuktikan bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba mempunyai hubungan kekerabatan, perbandingan dari sudut morfologi digunakan dalam kajian ini. Perbandingan dalam kajian ini tidak melibatkan bahasa Melayu standard. Perbandingan ini melibatkan perbandingan secara diakronik untuk menentukan hubungan kekerabatan dan lama waktu terpisah antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Perbandingan dari sudut morfologi ini menggunakan 200 kosa kata dasar yang dicadangkan oleh Swadesh (1955: 133-137) dan penentuan tingkat kekerabatan bahasa berdasarkan jadual tingkat kekerabatan bahasa yang juga dicadangkan oleh Swadesh (1954b: 326).

PENYATAAN MASALAH

Permasalahan kajian yang mencetuskan keperluan agar kajian ini dilakukan adalah berdasarkan pendapat Carey (1976: 224) yang mengatakan bahawa orang asli Jakun pada hari ini berbahasa Melayu sahaja. Menurut beliau, pada tahun 1966 terdapat lebih kurang 300 patah perkataan dikumpulkan di sebuah perkampungan orang asli Jakun, dan daripada jumlah itu hanya dua daripadanya berbeza daripada bahasa Melayu standard (Carey: 224). Oleh sebab itu, kajian ini perlu dijalankan bagi membuktikan kenyataan Carey tersebut bahawa orang asli Jakun sudah tidak menggunakan bahasa Jakun ketika berkomunikasi, atau bahasa Jakun sama dengan bahasa Melayu dari segi bentuk perkataan, makna dan sebagainya.

Kebanyakan tokoh linguistik seperti Carey (1976), Skeat & Blagden (1966) menganggap masyarakat orang asli Jakun ini telah banyak meminjam kosa kata bahasa Melayu. Isu peminjaman bahasa ini mungkin boleh diubah dengan kenyataan bahawa bahasa Jakun dan bahasa Melayu ini berkongsi cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba (*Proto Malayic*). Hal ini boleh dibuktikan melalui perbandingan kosa kata dasar bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Kajian ini melihat sifat retensi (pengekalan) atau perubahan yang berlaku dalam bahasa Jakun. Hasilnya, kajian ini dapat menentukan perhubungan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan kosa kata dasar, menentukan tingkat kekerabatan dan memastikan lama waktu terpisah bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

BATASAN KAJIAN

Bagi menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba, kajian ini menggunakan kosa kata dasar untuk kedua-dua bahasa ini. Kosa kata dasar yang digunakan dalam kajian ini ialah kosa kata terjemahan dalam bahasa Jakun yang berasaskan senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955). Data bagi kosa kata dasar bahasa Melayu purba pula diambil daripada data yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992) yang juga pada asalnya merupakan kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955). Kosa kata dasar inilah yang dibandingkan dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan beberapa kaedah pengutipan data dan analisis data. Secara umumnya, kajian ini berfokus pada linguistik perbandingan yang menggunakan kosa kata dasar sebagai asas perbandingan. Linguistik perbandingan ini berkait rapat dengan bidang linguistik sejarah kerana output akhir kajian ini untuk memperlihatkan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Pengumpulan Data

Kajian lapangan merupakan cara yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan data. Data daripada kajian lapangan merupakan data

primer kerana kajian ini mengambil data tersebut daripada penutur jati bahasa Jakun itu sendiri. Data yang dipungut dari lapangan merupakan data linguistik yang digunakan untuk perbandingan kosa kata dasar. Bagi mendapatkan data linguistik ini, kajian menggunakan kaedah temu bual secara terancang bersama-sama dengan beberapa informan orang asli Jakun yang terpilih. Data kosa kata dasar bahasa Jakun ini diambil berdasarkan senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955). Senarai 200 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard dan informan yang terlibat diminta untuk menyatakan 200 kosa kata dasar tersebut dalam bahasa Jakun.

Kajian kepustakaan pula merupakan cara yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data kosa kata dasar bahasa Melayu purba. Kajian ini menggunakan data kosa kata dasar bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Adelaar (1992) telah menggunakan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955) dalam merekonstruksi kosa kata dasar bahasa Melayu purba ini.

Pemilihan Informan

Informan orang asli Jakun dalam kajian ini merupakan mereka yang tinggal di dua buah perkampungan orang asli Jakun di Kluang, Johor, iaitu Kampung Orang Asli Seri Kenangan dan Kampung Punjut. Jumlah informan yang dipilih seramai 20 orang. Informan yang terlibat merupakan remaja lelaki dan remaja perempuan, orang dewasa lelaki dan orang dewasa perempuan, dan orang tua lelaki dan orang tua perempuan. Informan tersebut mestilah memiliki kriteria yang berikut:

- (1) Informan penutur asli bahasa Jakun.
- (2) Informan menetap di kawasan bahasa Jakun itu dituturkan.
- (3) Pendengaran dan suara informan dalam keadaan baik tanpa ada sebarang masalah.

Saiz Data

Data kosa kata dasar bahasa Jakun yang diambil berdasarkan senarai 200 buah kosa kata dasar yang digunakan oleh Swadesh (1955: 133-137). 200 buah kosa kata dasar tersebut diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu standard. Kajian ini melakukan temu bual dan rakaman terhadap penutur bahasa Jakun semasa proses menterjemahkan

senarai 200 buah kosa kata dasar tersebut. Data bagi kosa kata dasar bahasa Melayu purba pula diambil daripada data yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992).

Kerangka Teoretis

Kerangka Teoretis yang digunakan dalam kajian ini ialah kerangka teoretis leksikostatistik. Menurut Gudschinsky (1956: 1), leksikostatistik ialah kaedah yang digunakan untuk menentukan tarikh atau usia sesuatu bahasa itu wujud dari sudut penemuan arkeologi. Hal ini berbeza dengan kaedah linguistik sebelum ini yang walaupun mampu merekonstruksi data sejarah sesuatu bahasa, namun kaedah tersebut tidak dapat memberikan tarikh selain rekod sejarah bertulis (Gudschinsky, 1956: 1).

Kerangka teoretis leksikostatistik yang digunakan dalam kajian ini menggunakan senarai 200 kosa kata dasar yang diambil daripada Swadesh (1955: 133-137). Senarai 200 kosa kata dasar bahasa Inggeris tersebut diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard. Jadual 1 yang berikut merupakan senarai asal yang telah digunakan oleh Swadesh (1955: 133-137), manakala Jadual 2 merupakan senarai perkataan yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard:

Jadual 1 Senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan dalam kaedah perbandingan.

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Swadesh							
1.	<i>all</i>	2.	<i>and</i>	3.	<i>animal</i>	4.	<i>ashes</i>
5.	<i>at</i>	6.	<i>back</i>	7.	<i>bad</i>	8.	<i>bark</i>
9.	<i>because</i>	10.	<i>belly</i>	11.	<i>big</i>	12.	<i>bird</i>
13.	<i>bite</i>	14.	<i>black</i>	15.	<i>blood</i>	16.	<i>blow</i>
17.	<i>bone</i>	18.	<i>breathe</i>	19.	<i>burn</i>	20.	<i>child</i>
21.	<i>cloud</i>	22.	<i>cold</i>	23.	<i>come</i>	24.	<i>count</i>
25.	<i>cut</i>	26.	<i>day</i>	27.	<i>die</i>	28.	<i>dig</i>
29.	<i>dirty</i>	30.	<i>dog</i>	31.	<i>drink</i>	32.	<i>dry</i>
33.	<i>dull</i>	34.	<i>dust</i>	35.	<i>ear</i>	36.	<i>earth</i>
37.	<i>eat</i>	38.	<i>egg</i>	39.	<i>eye</i>	40.	<i>fall</i>
41.	<i>far</i>	42.	<i>fat-grease</i>	43.	<i>father</i>	44.	<i>fear</i>
45.	<i>feather</i>	46.	<i>few</i>	47.	<i>fight</i>	48.	<i>fire</i>
49.	<i>fish</i>	50.	<i>five</i>	51.	<i>float</i>	52.	<i>flow</i>
53.	<i>flower</i>	54.	<i>fly</i>	55.	<i>fog</i>	56.	<i>foot</i>
57.	<i>four</i>	58.	<i>freeze</i>	59.	<i>fruit</i>	60.	<i>give</i>

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Swadesh							
61.	<i>good</i>	62.	<i>grass</i>	63.	<i>green</i>	64.	<i>guts</i>
65.	<i>hair</i>	66.	<i>hand</i>	67.	<i>he</i>	68.	<i>head</i>
69.	<i>hear</i>	70.	<i>heart</i>	71.	<i>heavy</i>	72.	<i>here</i>
73.	<i>hit</i>	74.	<i>hold-take</i>	75.	<i>how</i>	76.	<i>hunt</i>
77.	<i>husband</i>	78.	<i>I</i>	79.	<i>ice</i>	80.	<i>if</i>
81.	<i>in</i>	82.	<i>kill</i>	83.	<i>know</i>	84.	<i>lake</i>
85.	<i>laugh</i>	86.	<i>leaf</i>	87.	<i>left</i>	88.	<i>leg</i>
89.	<i>lie</i>	90.	<i>live</i>	91.	<i>liver</i>	92.	<i>long</i>
93.	<i>louse</i>	94.	<i>man-male</i>	95.	<i>many</i>	96.	<i>meat-flesh</i>
97.	<i>mother</i>	98.	<i>mount</i>	99.	<i>mouth</i>	100.	<i>name</i>
101.	<i>narrow</i>	102.	<i>near</i>	103.	<i>neck</i>	104.	<i>new</i>
105.	<i>night</i>	106.	<i>nose</i>	107.	<i>not</i>	108.	<i>old</i>
109.	<i>one</i>	110.	<i>other</i>	111.	<i>person</i>	112.	<i>play</i>
113.	<i>pull</i>	114.	<i>push</i>	115.	<i>rain</i>	116.	<i>red</i>
117.	<i>right-correct</i>	118.	<i>rightside</i>	119.	<i>river</i>	120.	<i>road</i>
121.	<i>root</i>	122.	<i>rope</i>	123.	<i>rotten</i>	124.	<i>rub</i>
125.	<i>salt</i>	126.	<i>sand</i>	127.	<i>say</i>	128.	<i>scratch</i>
129.	<i>sea</i>	130.	<i>see</i>	131.	<i>seed</i>	132.	<i>sew</i>
133.	<i>sharp</i>	134.	<i>short</i>	135.	<i>sing</i>	136.	<i>sit</i>
137.	<i>skin</i>	138.	<i>sky</i>	139.	<i>sleep</i>	140.	<i>small</i>
141.	<i>smell</i>	142.	<i>smoke</i>	143.	<i>smooth</i>	144.	<i>snake</i>
145.	<i>snow</i>	146.	<i>some</i>	147.	<i>spit</i>	148.	<i>split</i>
149.	<i>squeeze</i>	150.	<i>stab-pierce</i>	151.	<i>stand</i>	152.	<i>star</i>
153.	<i>stick</i>	154.	<i>stone</i>	155.	<i>straight</i>	156.	<i>suck</i>
157.	<i>sun</i>	158.	<i>swell</i>	159.	<i>swim</i>	160.	<i>tail</i>
161.	<i>that</i>	162.	<i>there</i>	163.	<i>they</i>	164.	<i>thick</i>
165.	<i>thin</i>	166.	<i>think</i>	167.	<i>this</i>	168.	<i>thou</i>
169.	<i>three</i>	170.	<i>throw</i>	171.	<i>tie</i>	172.	<i>tongue</i>
173.	<i>tooth</i>	174.	<i>tree</i>	175.	<i>turn</i>	176.	<i>two</i>
177.	<i>vomit</i>	178.	<i>walk</i>	179.	<i>warm</i>	180.	<i>wash</i>
181.	<i>water</i>	182.	<i>we</i>	183.	<i>wet</i>	184.	<i>what</i>
185.	<i>when</i>	186.	<i>where</i>	187.	<i>white</i>	188.	<i>who</i>
189.	<i>wide</i>	190.	<i>wife</i>	191.	<i>wind</i>	192.	<i>wing</i>
193.	<i>wipe</i>	194.	<i>with</i>	195.	<i>women</i>	196.	<i>woods</i>
197.	<i>worm</i>	198.	<i>ye</i>	199.	<i>year</i>	200.	<i>yellow</i>

[Sumber: Dipetik daripada Swadesh (1955: 133-137)].

Jadual 2 Senarai 200 kosa kata dasar yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu standard.

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Terjemahan Bahasa Melayu Standard							
1.	semua	2.	dan	3.	binatang	4.	debu
5.	di	6.	belakang	7.	jahat	8.	kulit pokok
9.	kerana	10.	perut	11.	besar	12.	burung
13.	gigit	14.	hitam	15.	darah	16.	tiup
17	tulang	18.	nafas	19.	bakar	20.	kanak-kanak
21.	awan	22.	sejuk	23.	datang	24.	hitung
25.	potong	26.	siang	27.	mati	28.	gali
29.	kotor	30.	anjing	31.	minum	32.	kering
33.	tumpul	34.	habuk	35.	telinga	36.	tanah
37.	makan	38.	telur	39.	mata	40.	jatuh
41.	jauh	42.	lemak	43.	bapa	44.	takut
45.	bulu	46.	sikit	47.	lawan	48.	api
49.	ikan	50.	lima	51.	apung	52.	alir
53.	bunga	54.	terbang	55.	kabus	56.	kaki
57.	empat	58.	beku	59.	buah	60.	beri
61.	baik	62.	rumput	63.	hijau	64.	tamak
65.	rambut	66.	tangan	67.	dia	68.	kepala
69.	dengar	70.	hati	71.	berat	72.	sini
73.	pukul	74.	pegang	75.	bagaimana	76.	buru
77.	laki	78.	saya	79.	ais	80.	jika
81.	dalam	82.	bunuh	83.	tahu	84.	tasik
85.	ketawa	86.	daun	87.	kiri	88.	kaki
89.	tipu	90.	hidup	91.	jantung	92.	panjang
93.	kutu	94.	lelaki	95.	banyak	96.	isi
97.	emak	98.	gunung	99.	mulut	100.	nama
101.	sempit	102.	dekat	103.	leher	104.	baru
105.	malam	106.	hidung	107.	tidak	108.	tua
109.	satu	110.	lain	111.	orang	112.	main
113.	tarik	114.	tolak	115.	hujan	116.	merah
117.	betul	118.	kanan	119.	sungai	120.	jalan
121.	akar	122.	tali	123.	reput	124.	gosok
125.	garam	126.	pasir	127.	ungkap	128.	calar
129.	laut	130.	lihat	131.	benih	132.	jahit
133.	tajam	134.	pendek	135.	nyanyi	136.	diduk

Senarai 200 Kosa Kata Dasar Terjemahan Bahasa Melayu Standard							
137.	kulit	138.	langit	139.	tidur	140.	kecil
141.	hidu	142.	asap	143.	lembut	144.	ular
145.	salji	146.	banyak	147.	ludah	148.	pisah
149.	picit	150.	tikam	151.	berdiri	152.	bintang
153.	tongkat	154.	batu	155.	lurus	156.	hisap
157.	matahari	158.	bengkak	159.	renang	160.	ekor
161.	itu	162.	sana	163.	mereka	164.	tebal
165.	kurus	166.	fikir	167.	ini	168.	awak
169.	tiga	170.	buang	171.	ikat	172.	lidah
173.	gigi	174.	pokok	175.	pusing	176.	dua
177.	muntah	178.	jalan	179.	panas	180.	basuh
181.	air	182.	kami	183.	basah	184.	apa
185.	bila	186.	di mana	187.	putih	188.	siapa
189.	lebar	190.	isteri	191.	angin	192.	sayap
193.	lap	194.	dengan	195.	wanita	196.	kayu
197.	cacing	198.	kamu	199.	tahun	200.	kuning

[Sumber: Diubah suai daripada Swadesh (1955: 133-137)]

Langkah pertama, kosa kata dasar bahasa Jakun dikutip dan dibandingkan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992). Kajian ini menemu bual informan dengan mengemukakan soalan berdasarkan senarai 200 buah kosa kata dasar yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu standard.

Semasa pengumpulan kosa kata dasar bahasa Jakun ini, semua kata pinjaman, kata majmuk dan kata kosong perlu ditolak. Selain itu, sekiranya terdapat kata terbitan, imbuhan yang terdapat dalam kata terbitan itu perlu dibuang kerana hanya kata dasar sahaja yang digunakan untuk tujuan perbandingan. Sekiranya terdapat kosa kata yang sama yang sudah dinyatakan sebelum ini, maka kosa kata dasar itu juga perlu disingkirkan.

Setelah proses penyaringan, proses perbandingan kosa kata dasar dilakukan untuk menentukan jumlah kosa kata yang berbeza dan berkognat antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Kosa kata berkognat mestilah seratus peratus sama atau mirip dari segi bentuk dan makna. Peratus kosa kata yang berkerabat antara dua bahasa diperoleh setelah kosa kata berkognat tersebut dibahagikan dengan jumlah kosa kata yang dibandingkan sebelum ini, iaitu jumlah kata selepas ditolak kosa kata yang tidak diperlukan.

Setelah ditentukan peratus kata bersanak, langkah seterusnya ialah penerapan kaedah glotokronologi untuk menentukan waktu pisah dialek atau bahasa yang dibandingkan. Rumus umum yang digunakan untuk menentukan waktu pisah antara dua dialek atau bahasa yang dibandingkan ialah (Swadesh, 1955: 123):

- $$t = \frac{\log c}{2 \log r}$$
- t = Waktu pisah dalam ribuan tahun
 c = Peratus kata bersanak
 r = Kadar retensi kosa kata dalam 1,000 tahun dan angka yang digunakan ialah 86% atau 0.86 (untuk 100 kata) dan 81% atau 0.81 (untuk 200 kata)

Berdasarkan rumus pemencilan bahasa di atas, peratus kata bersanak atau berkerabat diperoleh apabila 200 kosa kata dasar bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba selesai dibandingkan antara satu sama lain. Kajian ini ingin menjelaskan bahawa terdapat kemungkinan setelah proses saringan dan kosa kata yang tidak boleh dibandingkan ditolak, kemungkinan jumlah kosa kata yang boleh dibandingkan tidak akan sampai 200. Oleh itu, kajian ini tetap membandingkan baki kosa kata yang ada kerana kosa kata yang ditolak biasanya merupakan kosa kata yang berulang, tidak mempunyai padanan dengan kosa kata yang dibandingkan atau mungkin kosa kata tersebut merupakan kosa kata pinjaman. Contohnya, setelah proses saringan dan penelitian, kemungkinan hanya 160 kosa kata dasar sahaja yang boleh dibandingkan. Daripada 160 kosa kata dasar itu, kajian ini akan meneliti kosa kata yang tidak berkognat antara dua bahasa tersebut. Sekiranya terdapat 20 kosa kata yang tidak berkognat, maka 160 akan ditolak dengan 20 dan hasilnya terdapat 140 kosa kata yang berkognat. Akhir sekali, 140 kosa kata berkognat itu akan dibahagikan dengan 160 kosa kata yang dibandingkan dan mendapat peratus kosa kata berkognat atau berkerabat, iaitu 87.5 peratus (nilai peratus ini hanya sekadar contoh sahaja dan bukannya nilai sebenar perbandingan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba).

Setelah mendapat peratus kata sekerabat berdasarkan pengiraan sebelum ini, barulah ditentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba. Penentuan hubungan kekerabatan ini berdasarkan jadual tingkat kekerabatan bahasa yang dicadangkan oleh Swadesh (1954b: 326) seperti Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3 Jadual tingkat kekerabatan bahasa.

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4-1 kata
Makrofilum	100 abad dan ke atas	Kurang daripada 1 kata

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Swadesh (1954b: 326)]

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Perbandingan kosa kata dasar ini menggunakan kaedah leksikostatistik yang menjadikan senarai 200 kosa kata dasar Swadesh (1955: 132) sebagai asas perbandingan. Senarai 200 kosa kata dasar yang dicadangkan oleh Swadesh (1955: 132) ini merangkumi pelbagai aspek semantik seperti kata ganti nama diri, kata tanya, kata hubung, kata sendi nama, lokasi, posisi dan pergerakan, perbuatan yang terhasil daripada tangan, tempoh masa, kata bilangan, saiz, objek semula jadi dan fenomena alam, tumbuh-tumbuhan, binatang, manusia, anggota tubuh manusia, aktiviti yang terhasil daripada tubuh manusia, aktiviti oral, warna, kata adjektif, kekeluargaan, objek budaya dan lain-lain.

Perbandingan kosa kata dasar ini dimulakan dengan mengutip 200 kosa kata dasar yang terdapat dalam bahasa Jakun di lapangan. Sebelum mendapatkan senarai 200 kosa kata dasar daripada kedua-dua buah dialek Jakun tersebut, senarai asal 200 kosa kata dasar dalam bahasa Inggeris diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard. Justifikasi perlunya senarai asal 200 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard terlebih dahulu adalah kerana informan orang asli Jakun lebih memahami bahasa Melayu standard daripada bahasa Inggeris. Selepas senarai 200 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan kepada bahasa Melayu standard, kajian ini meminta informan orang asli Jakun untuk memberikan perkataan dalam bahasa Jakun yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan dalam bahasa Melayu standard tersebut.

Selepas selesai mengutip 200 kosa kata dasar yang terdapat dalam bahasa Jakun, perbandingan dilakukan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Perbandingan yang dilakukan tersebut melihat dan mengenal pasti perkataan yang berkognat atau tidak berkognat antara

bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Semasa perbandingan 200 kosa kata dasar dilakukan, tidak semestinya semua 200 kosa kata dasar itu diterima dan dibandingkan untuk menentukan sesuatu kosa kata dasar itu berkognat atau tidak. Sebaliknya, sesuatu kosa kata dasar itu akan disaring terlebih dahulu untuk menentukan sama ada kosa kata dasar tersebut wajar dibandingkan atau tidak. Antara ciri yang menyebabkan sesuatu kosa kata dasar itu ditolak dan tidak boleh dibandingkan ialah kata majmuk, kata yang sudah dibandingkan dan kata pinjaman. Menurut Swadesh (1954b: 314), sesuatu kosa kata dasar yang jelas merupakan kata pinjaman mestilah ditolak dan tidak dimasukkan dalam pengiraan peratus kosa kata berkognat.

Semua kosa kata dasar yang dikutip ditulis dalam bentuk ejaan fonetik. Bentuk ejaan fonetik mengikut sistem *International Phonetic Alphabet* (IPA) perlu ditulis kerana kebanyakan kosa kata dasar yang ditulis dalam ejaan rumi tidak mencerminkan bunyi sebenar bagi setiap kosa kata tersebut. Contohnya, huruf /e/ dalam sistem ejaan rumi boleh mengelirukan pembaca sama ada huruf /e/ tersebut merujuk kepada bunyi [e] atau [ə]. Oleh itu, bentuk ejaan fonetik wajar dimasukkan dalam perbandingan ini bagi menjelaskan bunyi sebenar bagi sesuatu kosa kata dasar itu. Yang berikut merupakan senarai 200 kosa kata dasar bahasa Jakun:

Jadual 4 Daftar 200 kosa kata dasar bahasa Jakun.

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun
1	semua	səmuhoʔ	2	dan	dan
3	binatang	ʃərəkiʔ	4	debu	dəbuʔ
5	di	də	6	belakang	bəlakaŋ
7	jahat	ʃahat	8	kulit pokok	kulit pokoʔ
9	kerana	kəranoʔ	10	perut	pərut
11	besar	bəsa	12	burung	buruŋ
13	gigit	gigit	14	hitam	hitem
15	darah	darah	16	tiup	həmpu
17	tulang	tulaŋ	18	bernafas	bənapas
19	bakar	tunuʔ	20	kanak-kanak	keneʔ
21	awan	awan	22	sejuk	səjuʔ
23	datang	kiyah	24	hitung	hituŋ
25	potong	potonŋ	26	siang	siyaŋ

Sambungan Jadual 4

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun
27	mati	mati?	28	gali	gali?
29	kotor	koto	30	anjing	koyo?
31	minum	minum	32	kering	čərem
33	tumpul	tumpul	34	habuk	čəreh
35	telinga	təliŋo?	36	tanah	tanoh
37	makan	makan	38	telur	təlu
39	mata	mata?	40	jatuh	jatuh
41	jauh	jawuh	42	lemak	ləmo?
43	bapa	bapa?	44	takut	takut
45	bulu	bulu?	46	sikit	səmet
47	lawan	bətaki?	48	api	api?
49	ikan	iken	50	lima	limo?
51	terapung	tərapoŋ	52	mengalir	məŋjali
53	bunga	buŋo?	54	tebang	təbaŋ
55	kabus	kabus	56	kaki	kaki?
57	empat	əmpat	58	beku	bəku?
59	buah	buwah	60	bagi	bagi?
61	baik	ba.i?	62	rumput	rumput
63	hijau	hiŋau	64	tamak	tama?
65	rambut	rambut	66	tangan	taŋon
67	dia	no?	68	kepala	kəpala?
69	dengar	dəŋo	70	hati	hati?
71	berat	bərat	72	sini	kəə?
73	pukul	titi?	74	pegang	pəgaŋ
75	bagaimana	bagaimano?	76	buru	bərintai
77	laki	laki?	78	saya	ku?
79	air batu	ayi batu?	80	kalau	kalau
81	di dalam	di dalam	82	bunuh	bunuh
83	tahu	nahu?	84	tasik	paloh
85	ketawa	kətawa?	86	daun	dawun
87	kiri	kiri?	88	kaki	kaki?
89	baring	bariŋ	90	hidup	hidup
91	jantung	januŋ	92	panjang	panjaŋ
93	kutu	kutu?	94	lelaki	jantan
95	banyak	bapo?	96	isi	isi?

Sambungan Jadual 4

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun
97	mak	moʔ	98	gunung	gunuŋ
99	mulut	mulut	100	nama	namoʔ
101	sempit	səmpet	102	dekat	dəkət
103	leher	ləhi	104	baru	baruʔ
105	malam	malam	106	hidung	hiduŋ
107	tidak	bih	108	tua	tuhaʔ
109	satu	səʔ	110	lain	la.in
111	orang	uraŋ	112	main	ma.in
113	tarik	tariʔ	114	tolak	tulaʔ
115	hujan	huʃan	116	merah	mirah
117	betul	bətul	118	kanan	kanon
119	sungai	suŋoi	120	jalan	ʃalan
121	akar	aka	122	tali	taliʔ
123	reput	rəput	124	gosok	gosoʔ
125	garam	gerem	126	pasir	pasi
127	sebut	səbut	128	calar	čala
129	laut	lawot	130	tengok	niŋoʔ
131	benih	bənih	132	jahit	ʃahit
133	tajam	teʃem	134	pendek	pendeʔ
135	nyanyi	ŋaŋiʔ	136	duduk	duduʔ
137	kulit	kulit	138	langit	laŋit
139	tidur	tidu	140	kecil	kəčeʔ
141	bau	bawuʔ	142	asap	asap
143	lembut	ləmut	144	ular	ula
145	salji	saljiʔ	146	banyak	baŋoʔ
147	ludah	ludah	148	pisah	piŋah
149	picit	pečet	150	tikam	tikam
151	berdiri	bədiriʔ	152	bintang	bintaŋ
153	tongkat	tuŋkat	154	batu	batuʔ
155	lurus	lurus	156	hisap	isap
157	matahari	mataʔhariʔ	158	bengkak	bəŋkaʔ
159	berenang	bərənoŋ	160	ekor	iku
161	itu	ɲoʔ	162	sana	nun
163	mereka	kəniyaʔ	164	tebal	təbal
165	kurus	kurus	166	fikir	piki

Sambungan Jadual 4

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun
167	ini	ə?	168	awak	hi?
169	tiga	tiga?	170	buang	buwaŋ
171	ikat	ikat	172	lidah	lidah
173	gigi	gigi?	174	pokok	poko?
175	pusing	bilu?	176	dua	duwa?
177	muntah	muntah	178	berjalan	bəjalan
179	panas	panos	180	basuh	basoh
181	air	ayi	182	kami	kami?
183	basah	basah	184	apa	apa?
185	bila	bila?	186	di mana	də mano?
187	putih	putih	188	siapa	sapa?
189	lebar	liba	190	bini	bini?
191	angin	aŋin	192	sayap	sayap
193	menyapu	ŋapu?	194	dengan	dəŋon
195	wanita	bətino?	196	kayu	kayu?
197	cacing	čačiŋ	198	kamu	hi?
199	tahun	tahun	200	kuning	kuniŋ

Yang berikut pula merupakan senarai 200 kosa kata dasar bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992):

Jadual 5 Daftar 200 kosa kata dasar bahasa Melayu purba yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992).

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba
1	semua	*habis	2	dan	-
3	binatang	-	4	debu	*dəbu
5	di	*di	6	belakang	*bAlakaŋ
7	jahat	*jahət	8	kulit pokok	-
9	kerana	-	10	perut	*pərut
11	besar	*bəsar	12	burung	*buruŋ
13	gigit	*gigit	14	hitam	*hitəm
15	darah	*darah	16	tiup	*tiup
17	tulang	*tulaŋ	18	bernafas	*ŋawa

Sambungan Jadual 5

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba
19	bakar	*tunu	20	kanak-kanak	*anak
21	awan	*awan	22	sejuk	*diŋin
23	datang	*datəŋ	24	hitung	*hituŋ
25	potong	*tətək	26	siang	*hari
27	mati	*mati	28	gali	*kali
29	kotor	*kamah	30	anjing	*asu?
31	minum	*inum	32	kering	*kəriŋ
33	tumpul	*tumpul	34	habuk	*habu
35	telinga	*tAlina?	36	tanah	*tanah
37	makan	*makan	38	telur	*təluŋ
39	mata	*mata	40	jatuh	*jatuh
41	jauh	*jauh	42	lemak	*ləmək
43	bapa	*apa?	44	takut	*takut
45	bulu	*bulu	46	sikit	-
47	lawan	-	48	api	*api
49	ikan	*ikan	50	lima	*lima?
51	terapung	-	52	mengalir	*alir
53	bunga	*buŋa?	54	tebang	*tAr(ə)baŋ
55	kabus	*kabut	56	kaki	*kaki
57	empat	*əmpat	58	beku	-
59	buah	*buah	60	bagi	-
61	baik	*baik	62	rumput	*rumput
63	hijau	*hijau	64	tamak	-
65	rambut	*rambut	66	tangan	*taŋan
67	dia	*ia	68	kepala	*hulu?
69	dengar	*dəŋər	70	hati	-
71	berat	*bərat	72	sini	-
73	pukul	*pukul	74	pegang	*pegaŋ
75	bagaimana	-	76	buru	*buru
77	suami	*laki	78	saya	*aku
79	air batu	-	80	kalau	-
81	di dalam	*dələm	82	bunuh	*bunuh
83	tahu	*tahu?	84	tasik	*tasik
85	ketawa	*tawa?	86	daun	*daun

Sambungan Jadual 5

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba
87	kiri	*kA-iri	88	kaki	*kaki
89	baring	-	90	hidup	*hidup
91	jantung	*hati	92	panjang	*panjaŋ
93	kutu	*kutu	94	lelaki	*laki
95	banyak	-	96	isi	*isiʔ
97	mak	*əmaʔ, *induʔ, *ina	98	gunung	-
99	mulut	*mulut	100	nama	-
101	sempit	*səmpit	102	dekat	*dəkət
103	leher	*lihər	104	baru	*baharu
105	malam	*maləØəm	106	hidung	*hiduŋ
107	tidak	*daʔ	108	tua	*tuhaʔ
109	satu	*əsaʔ	110	lain	*bukən
111	orang	*uraŋ	112	main	-
113	tarik	*tarik	114	tolak	-
115	hujan	*hujan	116	merah	*ma-irah
117	betul	*bənər	118	kanan	*kanan
119	sungai	-	120	jalan	*jalan
121	akar	*akar	122	tali	*tali
123	reput	-	124	gosok	-
125	garam	*sira	126	pasir	*pasir
127	sebut	-	128	calar	*garuk
129	laut	*laut	130	tengok	*lihat
131	benih	-	132	jahit	*jahit
133	tajam	*tajəm	134	pendek	*pindik
135	nyanyi	-	136	duduk	*duduk
137	kulit	*kulit	138	langit	*lanjit
139	tidur	*tidur	140	kecil	*kəcil
141	bau	-	142	asap	*əsəp
143	lembut	-	144	ular	*ulər
145	salji	-	146	banyak	-
147	ludah	*ludah	148	pisah	*bəlah
149	picit	-	150	tikam	*tikəm
151	berdiri	*diri	152	bintang	*bintaŋ

Sambungan Jadual 5

Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba	Bil.	Kosa Kata Dasar	Bahasa Melayu Purba
153	tongkat	-	154	batu	*batu
155	lurus	-	156	hisap	*hiŋsəp
157	matahari	-	158	bengkak	*bəŋkək
159	berenang	*bA-rənaŋ	160	ekor	*ikur
161	itu	*itu?	162	sana	-
163	mereka	*sida?	164	tebal	*təbəl
165	kurus	*nipis	166	fikir	-
167	ini	*ini?	168	awak	*kamu?
169	tiga	*təlu	170	buang	*buaŋ
171	ikat	*ikət	172	lidah	*diləh
173	gigi	*gigi	174	pokok	-
175	pusing	*biluk	176	dua	*dua?
177	muntah	*muntah	178	berjalan	*bAr-jalan
179	panas	*panas	180	basuh	-
181	air	*air	182	kami	*kami?, *kita?
183	basah	*basah	184	apa	*apa
185	bila	-	186	di mana	*mana?
187	putih	*putih	188	siapa	*si-apa
189	lebar	*libar	190	bini	*bini
191	angin	*aŋin	192	sayap	*sayap
193	menyapu	-	194	dengan	-
195	wanita	-	196	kayu	*kayu?
197	cacing	*cacaiŋ, *hulət	198	kamu	*kamu? *kau
199	tahun	*tahun	200	uning	*kunit

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Adelaar (1992: 202-203)]

Setelah 200 kosa kata dasar bahasa Jakun dikutip di lapangan, kesemua senarai 200 kosa kata dasar tersebut akan dibandingkan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu yang telah direkonstruksi oleh Adelaar (1992: 202-203) untuk menentukan kosa kata yang berkognat dan seterusnya menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua buah bahasa tersebut. Jika dilihat dalam Jadual 5, tidak semua 200 kosa kata dasar Swadesh direkonstruksi oleh Adelaar. 44 daripada 200 patah perkataan di atas tidak mempunyai padanan dengan senarai asal 200 kosa kata dasar Swadesh.

Oleh itu, kajian ini hanya akan membandingkan bahasa Jakun dengan 156 kosa kata dasar bahasa Melayu purba yang dinyatakan oleh Adelaar (1992) sahaja. Selebihnya, kosa kata dasar bahasa Jakun yang tidak mempunyai padanan dengan bahasa Melayu purba tidak akan dibandingkan dalam kajian ini. Kekurangan jumlah kosa kata dasar yang dibandingkan tidak akan menjejaskan kualiti penentuan hubungan kekerabatan antara kedua-dua buah bahasa tersebut kerana jika dilihat dalam Jadual 3, hanya peratus kosa kata berkognat sahaja yang akan menentukan tingkat kekerabatan bahasa. Yang berikut merupakan perbandingan 156 kosa kata dasar bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba:

Jadual 6 Perbandingan kosa kata dasar antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba.

Bil.	Senarai Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bahasa Melayu Purba	Taraf Kognat
1.	semua	səmuhoʔ	*habis	-
2.	debu	dəbuʔ	*dəbu	+
3.	di	də	*di	+
4.	belakang	bəlakəŋ	*bAlakəŋ	+
5.	jahat	ʒahət	*ʒahət	+
6.	perut	pərut	*pərut	+
7.	besar	bəsa	*bəsar	+
8.	burung	buruŋ	*buruŋ	+
9.	gigit	gigit	*gigit	+
10.	hitam	hitem	*hitəm	+
11.	darah	darah	*darah	+
12.	tiup	həmpu	*tiup	-
13.	tulang	tulaŋ	*tulaŋ	+
14.	bernafas	bənapas	*nawa	-
15.	bakar	tunuʔ	*tunu	+
16.	kanak-kanak	keneʔ	*anak	-
17.	awan	awan	*awan	+
18.	sejuk	səjuʔ	*diŋin	-
19.	datang	kiyah	*datəŋ	-
20.	hitung	hituŋ	*hituŋ	+
21.	potong	potoŋ	*tətək	-
22.	siang	siyaŋ	*hari	-
23.	mati	matiʔ	*mati	+

Sambungan Jadual 6

Bil.	Senarai Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bahasa Melayu Purba	Taraf Kognat
24.	gali	gali?	*kali	-
25.	kotor	koto	*kamah	-
26.	anjing	koyo?	*asu?	-
27.	minum	minum	*inum	+
28.	kering	čərem	*kəriŋ	-
29.	tumpul	tumpul	*tumpul	+
30.	habuk	čəreh	*habu	-
31.	telinga	təliŋo?	*tAliŋa?	+
32.	tanah	tanoh	*tanah	+
33.	makan	makan	*makan	+
34.	telur	təlu	*təluŋ	+
35.	mata	mata?	*mata	+
36.	jatuh	jatuh	*jatuh	+
37.	jauh	jawuh	*jauh	+
38.	lemak	ləmo?	*ləmək	+
39.	bapa	bapa?	*apa?	+
40.	takut	takut	*takut	+
41.	bulu	bulu?	*bulu	+
42.	api	api?	*api	+
43.	ikan	iken	*ikan	+
44.	lima	limo?	*lima?	+
45.	mengalir	məŋali	*alir	+
46.	bunga	buŋo?	*buŋa?	+
47.	terbang	təbaŋ	*tAr(ə)baŋ	+
48.	kabus	kabus	*kabut	-
49.	kaki	kaki?	*kaki	+
50.	empat	əmpat	*əmpat	+
51.	buah	buwah	*buah	+
52.	rumput	rumpuŋ	*rumpuŋ	+
53.	hijau	hiŋau	*hiŋau	+
54.	rambut	rambut	*rambut	+
55.	tangan	taŋon	*taŋan	+
56.	dia	ŋo?	*ia	-
57.	kepala	kəpala?	*hulu?	-
58.	dengar	dəŋo	*dəŋər	+

Sambungan Jadual 6

Bil.	Senarai Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bahasa Melayu Purba	Taraf Kognat
59.	berat	bərat	*bərat	+
60.	pukul	titi?	*pukul	-
61.	pegang	pəgaŋ	*pəgaŋ	+
62.	memburu	bərintai	*buru	-
63.	suami	laki?	*laki	+
64.	saya	ku?	*aku	+
65.	di dalam	di dalam	*daləm	+
66.	bunuh	bunuh	*bunuh	+
67.	tahu	nahu?	*tahu?	+
68.	tasik	paloh	*tasik	-
69.	ketawa	kətawa?	*tawa?	+
70.	daun	dawun	*daun	+
71.	kiri	kiri?	*kA-iri	+
72.	kaki	kaki?	*kaki	tolak – sudah muncul dalam 49
73.	hidup	hidup	*hidup	+
74.	jantung	hati?	*hati	+
75.	panjang	panjaŋ	*panjaŋ	+
76.	kutu	kutu?	*kutu	+
77.	lelaki	jaŋtan	*laki	+
78.	isi	isi?	*isi?	+
79.	emak	mo?	*əma?	+
80.	mulut	mulut	*mulut	+
81.	sempit	səmpet	*səmpit	+
82.	dekat	dəkət	*dəkət	+
83.	leher	ləhi	*lihər	+
84.	baru	baru?	*baharu	+
85.	malam	malam	*maləØəm	+
86.	hidung	hiduŋ	*hiduŋ	+
87.	tidak	bih	*da?	-
88.	tua	tuha?	*tuha?	+
89.	satu	sə?	*əsa?	+
90.	lain	la.in	*bukən	+
91.	orang	uraŋ	*uraŋ	+

Sambungan Jadual 6

Bil.	Senarai Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bahasa Melayu Purba	Taraf Kognat
92.	tarik	tari?	*tarik	+
93.	hujan	hujan	*hujan	+
94.	merah	mirah	*ma-irah	+
95.	betul	bətul	*bənər	+
96.	kanan	kanon	*kanan	+
97.	jalan	jalan	*jalan	+
98.	akar	aka	*akar	+
99.	tali	tali?	*tali	+
100.	garam	gerem	*sira	-
101.	pasir	pasi	*pasir	+
102.	calar	čala/ garu?	*garuk	+
103.	laut	lawot	*laut	+
104.	lihat	niŋo?	*lihat	+
105.	jahit	jahit	*jahit	+
106.	tajam	tejem	*tajəm	+
107.	pendek	pende?	*pindik	+
108.	duduk	dudu?	*duduk	+
109.	kulit	kulit	*kulit	+
110.	langit	lanjit	*lanjit	+
111.	tidur	tidu	*tidur	+
112.	kecil	kəče?	*kəčil	+
113.	asap	asap	*əsəp	+
114.	ular	ula	*ulər	+
115.	ludah	ludah	*ludah	+
116.	pisah	pisah / bəlah	*bəlah	+
117.	tikam	tikam	*tikəm	+
118.	berdiri	bədiri?	*diri	+
119.	bintang	bintaŋ	*bintaŋ	+
120.	batu	batu?	*batu	+
121.	hisap	isap	*hiŋsəp	+
122.	bengkak	bəŋka?	*bəŋkak	+
123.	berenang	bərənəŋ	*bA-rənəŋ	+
124.	ekor	iku	*ikur	+
125.	itu	ŋo?	*itu?	-
126.	mereka	kəniya?	*sida?	-

Sambungan Jadual 6

Bil.	Senarai Kosa Kata Dasar	Bahasa Jakun	Bahasa Melayu Purba	Taraf Kognat
127.	tebal	təbal	*təbəl	+
128.	kurus	kurus	*nipis	+
129.	ini	ə?	*ini?	-
130.	awak	hi?	*kamu?	+
131.	tiga	tiga?	*təlu	-
132.	buang	buwaŋ	*buaŋ	+
133.	ikat	ikat	*ikət	+
134.	lidah	lidah	*dilah	-
135.	gigi	gigi?	*gigi	+
136.	pusing	pusiŋ / biluk	*biluk	+
137.	dua	duwa?	*dua?	+
138.	muntah	muntah	*muntah	+
139.	berjalan	bəjalan	*bAr-jalan	tolak – sudah muncul dalam 97
140.	panas	panos	*panas	+
141.	air	ayi	*air	+
142.	kami	kami?	*kami?	+
143.	basah	basah	*basah	+
144.	apa	apa?	*apa	+
145.	di mana	mano?	*mana?	+
146.	putih	putih	*putih	+
147.	siapa	sapa?	*si-apa	+
148.	lebar	liba	*libar	+
149.	isteri / bini	bini?	*bini	+
150.	angin	aŋin	*aŋin	+
151.	sayap	sayap	*sayap	+
152.	kayu	kayu?	*kayu?	+
153.	cacing	čačiŋ	*čačiŋ / *hulət	+
154.	kamu	hi?	*kamu? / *kau	tolak – sudah muncul dalam 130
155.	tahun	tahun	*tahun	+
156.	kuning	kuniŋ	*kunit	-

Jumlah kosa kata yang ditolak	= 3
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (156 – 3)	= 153
Jumlah kosa kata yang berkognat (153 – 27)	= 126
Peratusan kosa kata berkognat (126/153)	= 80.769 / 80.77%
Peratusan kosa kata berkognat	= 80.77%

Berdasarkan perbandingan 156 kosa kata dasar bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba dalam Jadual 6 di atas, terdapat tiga kosa kata dasar yang ditolak dan tidak dibandingkan disebabkan tiga kosa kata dasar tersebut merupakan kata yang sudah dibandingkan, iaitu terdapat perkataan yang sama maksudnya sebelum ini. Oleh itu, selepas tiga kosa kata dasar itu ditolak, hanya 153 kosa kata dasar sahaja yang dibandingkan untuk mencari kosa kata yang berkognat. Daripada 153 kosa kata dasar yang dibandingkan itu, sebanyak 126 kosa kata dasar merupakan kosa kata dasar berkognat. Hasilnya, peratusan kosa kata berkognat antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba ialah 80.77%.

Selepas mendapat peratusan kosa kata dasar yang berkognat, jumlah peratusan tersebut akan digunakan untuk menentukan tingkat kekerabatan bahasa antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu purba. Jadual 7 merupakan jadual tingkat kekerabatan bahasa.

Berdasarkan jadual tingkat kekerabatan bahasa tersebut, bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba tergolong dalam kelompok keluarga bahasa dan tempoh masa terpisah antara lima hingga 25 abad. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Jakun merupakan bahasa yang berada di bawah cabang bahasa Melayu purba. Hal ini bukan sesuatu yang pelik kerana berdasarkan senarai 156 kosa kata dasar bahasa Jakun, dapat dilihat bahawa kebanyakan kosa kata dasarnya hampir sama dengan bahasa Melayu purba. Oleh itu, kajian ini tidak bersetuju dengan kenyataan

Jadual 7 Jadual tingkat kekerabatan bahasa.

Tingkat Kekerabatan	Abad Pisah	Peratus Kata Berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4-1 kata
Makrofilum	100 abad dan ke atas	Kurang daripada 1 kata

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Swadesh (1954a: 326)]

bahawa bahasa Jakun ini meminjam kosa kata bahasa Melayu standard kerana berdasarkan data yang diperoleh, kebanyakan kosa kata dasar ini hampir sama dengan bahasa Melayu purba terutama sekali dari aspek fonologi. Banyak perkataan dalam bahasa Jakun yang mengekalkan sifat retensi bahasa Melayu purba dan digunakan sehingga hari ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbandingan yang telah dilakukan dalam bahagian ini, kajian ini berjaya membuktikan bahawa bahasa Jakun dan bahasa Melayu purba tergolong dalam kelompok keluarga yang sama. Hal ini dapat dibuktikan dengan jumlah peratusan kosa kata berkognat antara kedua-dua bahasa tersebut ialah sebanyak 80.77%. Oleh itu, istilah bahasa Jakun banyak meminjam kosa kata dasar bahasa Melayu seperti yang dinyatakan oleh Carey (1976) dan ramai lagi mungkin boleh diubah kepada bahasa Jakun merupakan bahasa yang berasal daripada cabang bahasa Melayu purba. Jadi, kebanyakan perkataan bahasa Jakun yang sama dengan bahasa Melayu standard adalah disebabkan kedua-dua bahasa tersebut berkongsi cabang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu purba. Apabila berkongsi cabang bahasa yang sama sudah pastilah banyak perkataan yang sama atau hampir sama.

RUJUKAN

- Adelaar, K.A. (1992). Proto Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology. *Pacific Linguistic*. RSPAS The Australian National University.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.
- Gudschinsky, S.C. (1956). The ABC'S of lexicostatistics (glottochronology). *WORD*, 12(2), 175- 210.
- Harimurti Kridalaksana. (1988). Masalah metodologi dalam rekonstruksi "bahasa Melayu purba". Dlm. Mohd. Thani Ahmad & Zaini Mohamed Zain. (Penyusun). Rekonstruksi dan cabang-cabang bahasa Melayu induk. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Logan, J.R. 1847. The Orang Binua of Johore. *Journal of The Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 242-293.
- Maeda, Narifumi Tachimoto. 2001. (Editor) A. Baer. The Orang Hulu: A report on Malaysian Orang Asli in the 1960's. Center For Orang Asli Concens.

- Skeat, W. W. & Blagden, O. C.. (1966). *Pagan races of the Malay Peninsula*. Volume One: Chapter 1-7. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C.. (1966). *Pagan races of the Malay Peninsula*. Volume Two: Chapter 1-2. Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C.. (1966). *Pagan races of the Malay Peninsula*. Volume Two: Chapter 3. Frank Cass & Co. Ltd.
- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7, 1-21. Diakses daripada <https://www.jstor.org/stable/3628647>.
- Swadesh, Morris. (1954a). Time depths of American Linguistic Groupings. *American Anthropologist*. 361-377. John Wiley & Sons. Diakses daripada <https://anthrosource.onlinelibrary.wiley.com/doi/epdf/10.1525/aa.1954.56.3.02a00060>.
- Swadesh, Morris. (1954b). Perspectives and problems of Amerindian comparative linguistics. *WORD*, 10(2-3), 306-332. Diakses daripada <https://www.tandfonline.com/doi/pdf/10.1080/00437956.1954.11659530?needAccess=true>.
- Swadesh, M. (1955). *Towards greater accuracy in lexicostatistic dating*. *International Journal of American Linguistics*, 21(2), 121-137. Diakses daripada <https://sci-hub.tw/10.1086/464321>.
- Swadesh, M. (1972). Joel Sherzer (Ed.) *The origin and diversification of language*. Routledge & Kegan Paul Ltd.